

15/03/2004

DR Group mahu tingkat prestasi produk bebas cukai

KEJAYAAN DR Group Holdings (DR Group) meraih Anugerah Pelancongan Malaysia 2003 menyuntik semangat untuknya meningkatkan prestasi perniagaan produk bebas cukainya.

DR Group memenangi anugerah itu bagi kategori 'The Most Supportive Shopping Outlet - Department Store', menerusi SkyMall, kedai bebas cukai di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL) yang menawarkan kemudahan beli-belah dengan konsep terbuka.

Pengurus Besar DR Group, Arshad Desa, berkata kemenangan anugerah itu akan dijadikan dorongan untuk pihaknya memperkemas konsep membeli-belah di bawah satu bumbung.

Katanya, DR Group berhasrat memperluaskan konsep SkyMall di lapangan terbang utama lain di negara ini dengan membawa imej baru dalam menawarkan pelbagai jenis produk.

"Kami menawarkan pelbagai barangan yang menjadi tarikan utama pelancong berikutan LTAL menjadi antara pintu masuk utama ke Langkawi.

"Justeru, SkyMall sentiasa mengkaji profil pelanggan untuk mengetahui produk yang digemari mereka," katanya pada sidang media di SkyMall, LTAL, Padang Matsirat, minggu lalu.

SkyMall, pusat beli-belah yang menyediakan suasana membeli-belah di bawah satu bumbung yang selesa dirasmikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada April 2002.

Pusat beli-belah seluas 232.25 meter persegi itu membabitkan kedai minyak wangi, coklat, pakaian, barangan penjagaan kulit, kosmetik, kelengkapan golf, coklat, cenderamata, kamera dan pelbagai barangan eksklusif lain.

Arshad berkata, SkyMall berjaya mencapai matlamatnya apabila pengunjung berpuas hati dengan kualiti barangan yang dijual dengan harga berpatutan.

Sehubungan itu, beliau menyambut baik usaha kerajaan mengadakan anugerah seumpama itu bagi memberi pengiktirafan kepada pengusaha dan menggalakkan mereka meningkatkan prestasi.

"Ia adalah idea yang baik bagi mengiktiraf peniaga seperti kami. Bukan hadiah yang kami kejar tetapi pengiktirafan yang diterima cukup membanggakan," katanya.